



SIARAN AKHBAR

Diterbitkan Oleh Jabatan Penerangan Malaysia

PEN. 10/84/40 (JPM)

UCAPAN TUN HUSSEIN ONN, BEKAS PERDANA
MENTERI SEMPENA SIDANG KEEMPAT KONVOKESYEN
I.T.M. DI DEWAN SRI BUDIMAN, INSTITUT
TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM SELANGOR PADA
14HB. OKTOBER, 1984 JAM 2.00 PETANG

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak I.T.M. kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada para lulusan I.T.M. sidang keempat ini.

Saya amat sukacita melihat begitu ramai sekali pelajar yang telah lulus dalam berbagai-bagai jurusan dan bidang pengajian. Ini merupakan satu lagi kejayaan pihak I.T.M. dalam usahanya untuk mengeluarkan ramai lagi tenaga pekerja yang mahir dan bermutu tinggi. Ini juga merupakan kejayaan bagi pelajar-pelajar yang telah menyahut seruan kerajaan supaya lebih cenderung dalam bidang profesional dan separa-profesional. Pada hemat saya, tuan-tuan dan puan-puan sekalain merupakan bakal pemimpin dalam bidang masing-masing. Saya harap para lulusan sekalian akan menunjukkan kebolehan masing-masing supaya kejayaan tuan-tuan dan puan-puan akan dicontohi oleh pelajar-pelajar yang akan datang dan supaya lulusan I.T.M. sekalian diberi taraf dan pengiktirafan yang sewajarnya.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia memerlukan tenaga mahir dalam berbagai-bagai bidang untuk melaksana dan menjayakan rancangan-rancangan pembangunannya. Walaupun pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia, termasuk I.T.M., telah mengeluarkan beribu-ribu para lulusan pada setiap tahun, namun kekurangan tenaga mahir di dalam beberapa bidang tertentu masih dialami. Negara masih kekurangan pakar dalam bidang perniagaan, dalam bidang profesional seperti kejuruteraan dan kedokteran, dalam bidang pentadbiran dan dalam bidang pengurusan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap lulusan sekalian untuk memenuhi kekosongan ini dan selanjutnya mengamalkan segala ilmu pengetahuan yang telah ditimba di kampus ini.

....2/-

Seperti yang kita semua sedia maklum, pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melatih pelajar-pelajar bagi menambah lagi tenaga mahir yang amat diperlukan oleh negara kita. Baru-baru ini dua buah universiti lagi ditubuhkan di Malaysia, iaitu Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Utara Malaysia. Kedua-dua buah universiti ini, bersama-sama dengan universiti dan pusat pengajian tinggi yang lain, akan menawarkan peluang kepada ramai lagi pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka. Semua usaha ini adalah untuk menambahkan bilangan para lulusan yang terlatih dan berkemahiran. Tetapi bilangan sahaja tidak mencukupi. Mutu lulusan juga mesti dititikberatkan. Lulusan yang banyak dan bermutu pun belum tentu akan menghasilkan matlamat yang diidamkan, sekiranya para lulusan tidak berdisiplin dan menunjukkan kecenderungan, keazaman dan ketekunan untuk berbakti, bukan sahaja kepada diri sendiri, malah untuk kepentingan negara seluruhnya.

fikirkan
sesuai dan

Sebagai anggota dalam sebuah masyarakat yang inginkan kemajuan yang pesat, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyumbangkan tenaga dan kepakaran untuk mencapai matlamat itu. Adalah perlu dan penting bagi kita berkecimpung dalam mana-mana bidang yang kita layak bagi kita, dan di mana yang kita fikirkan dapat memberi sumbangan yang terbanyak dan paling berkesan sekali. Pembangunan negara memerlukan penglibatan semua sektor, termasuklah perkhidmatan awam, pertanian, perindustrian, perkilangan dan perlombongan. Pembangunan dan kemajuan negara bergantung kepada perkembangan dan kemajuan dalam semua bidang tersebut.

Untuk mencapai kemajuan pesat, sifat-sifat ketekunan, kegigihan dan kerajinan sahaja tidaklah memadai. Satu lagi ciri yang penting ialah profesionalisme. Profesionalisme di sini hendaklah ditakrifkan di dalam erti kata yang paling luas sekali. Bukanlah setiap ahli profesional itu mempunyai profesionalisme. Seseorang profesional yang mementingkan pendapatan, kedudukan, keahlian dalam sesuatu pertubuhan atau kesatuan dan mengukur segala sesuatu yang dilakukannya dengan wang ringgit sahaja tidaklah boleh dianggap mempunyai profesionalisme, walaupun mereka adalah ahli profesional yang maju dan jaya dalam bidang masing-masing.

Seseorang itu tidak boleh dipersalahkan sekiranya ia memusatkan segala pemikiran, tenaga, usaha dan kepakarannya untuk kemajuan dirinya. Itu adalah hak asasi setiap insan. Tetapi, akan lebih menguntungkan lagi sekiranya setiap orang itu bertekad untuk turut memajukan negaranya sambil memajukan dirinya sendiri. Saya berpendapat, tugas saya dan tugas tuan-tuan dan puan-puan sekalian ialah untuk berkhidmat kepada negara. Bagaimana kita menyumbangkan khidmat itu terpulanglah kepada kepakaran, kemahiran dan kecenderungan masing-masing. Pada dasarnya, tuan-tuan dan puan-puan akan memasuki dua sektor, iaitu sektor awam atau swasta. Kedua-duanya adalah penting untuk pembangunan negara. Untuk mencapai matlamatnya, sektor swasta mestilah memuaskan pelanggan dan pasarannya. Sektor awam pula mestilah memberi khidmat dan melayah kehendak dan tuntutan rakyat jelata. Jika pelanggan tidak puas hati, perniagaan akan merosot. Jika rakyat tidak dilayani, jentera kerajaan akan dikecam sebagai tidak cekap dan kewibawaan kerajaan mungkin akan terjejas.

Profesionalisme mempunyai hubungan rapat dengan soal kepimpinan. Seseorang yang mempunyai ciri profesionalisme itu seharusnya mempunyai ciri kepimpinan. Malah kepimpinan sepatutnya menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Kepimpinan adalah urusan semua pihak, dari segenap lapisan dan lapangan, tidak kira apa juga kedudukan dan taraf sosial mereka. Yang pentingnya ialah setiap pihak yang bertanggungjawab hendaklah melaksanakan apa juga yang mereka anjurkan. Mereka hendaklah mengotai apa yang mereka kata. Tidak cukup bagi seseorang itu sekadar melaung-laung sahaja. Apa yang lebih penting ialah mempertahankan seruan itu dan seterusnya mengamalkan semua saranan yang telah dibuat. Inilah teras kepimpinan memalui teladan.

Baru-baru ini banyak telah diperkatakan bahawa keadaan perpaduan di dalam negara kita tidaklah begitu menggalakkan. Di sini ingin saya tegaskan bahawa walaupun kemajuan negara dan perpaduan negara adalah dua perkara yang berlainan, tetapi keduanya mempunyai pertalian yang rapat di antara satu sama lain. Kemajuan negara amat bergantung kepada perpaduan rakyat jelata. Sebuah negara tidak mungkin dapat mempertahankan dan meningkatkan kemajuannya sekiranya rakyat jelata tidak bersatupadu. Malah, segala apa kemajuan yang dicapai akan dengan mudahnya terhapus dan musnah oleh rakyat yang tidak bersatupadu. Selain daripada itu, keselamatan negara juga akan mudah tergugat sekiranya perpaduan tidak dicapai dan dipelihara dengan baik. Seperti yang kita semua sedia maklum, tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menghapuskan kemiskinan dan mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum di negara ini. Tetapi, ini cuma merupakan cara, jalan dan kaedah untuk mencapai satu matlamat yang lebih murni dan ulung lagi, iaitu perpaduan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian mungkin bertanya apakah kaitannya profesionalisme, perpaduan dan pembangunan negara. Tiada siapa yang akan mempersoalkan pertalian di antara profesionalisme dengan pembangunan negara. Ini amat jelas sekali. Tetapi pertalian di antara pembangunan dengan perpaduan tidaklah begitu ketara. Di sini perlulah saya tegaskan sekali lagi bahawa pembangunan negara, waima betapa pesat sekali pun, tidak akan membawa erti dan makna sekiranya tidak wujud perpaduan di kalangan rakyat negara itu. Seperti yang saya katakan tadi, tanpa perpaduan, kemakmuran tidak mudah dipertahankan; keamanan akan tergugat dan seterusnya pembangunan dan kestabilan negara akan terjejas. Jadi, sekali lagi saya ingin merayu kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya berusaha dan bertekunlah sedaya upaya untuk meningkatkan perpaduan negara.

Hasrat negara untuk mara ke hadapan dengan pesat adalah satu hasrat yang sah. Akan tetapi hasrat ini hendaklah berpijak di bumi nyata. Kita hendaklah sedar bahawa dalam usaha hendak membangunkan negara banyak halangan, rintangan dan cabaran yang perlu dihadapi. Mencapai kemajuan bukanlah satu proses yang mudah dan lancar. Ia melibatkan penyertaan dan sokongan rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, berbilang keturunan dan berbilang agama. Dalam hubungan ini, usaha kita perlulah berpedukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam rukunegara. Adalah menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia untuk menghayati dan untuk mengamalkan serta mendukung cita-cita yang mengamalkan serta mendukung cita-cita yang termaktub di dalam rukunegara, sekiranya kita ingin maju dan sekiranya kita ingin menjadi sebuah negara yang benar-benar berdaulat dan disegani serta dihormati.

Selain daripada mempunyai ciri profesionalisme, dan selain daripada berpegang kepada prinsip-prinsip Rukunegara, kita juga perlu dan mesti bersikap jujur dan amanah. Nilai-nilai jujur dan amanah inilah yang telah membolehkan negara kita mencapai tahap kemajuan yang sedang kita nikmati ini. Nilai-nilai ini jugalah yang akan menjamin pencapaian kemajuan yang berterusan dan kemajuan yang lebih pesat lagi. Segala bentuk pecah amanah, ketidakjujuran dan rasuah hendaklah ditentang habis-habisan. Ini juga adalah tanggungjawab kita semua sebagai rakyat yang inginkan kemajuan, keharmonian dan kestabilan.

Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian tentu berasa amat bangga kerana telah lulus dalam peperiksaan masing-masing, dan telah tamat pengajian di kampus ini. Di sini ingin saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan bahawa tamat pengajian di kampus ini tidaklah bermakna sudah tidak ada apa-apa lagi yang hendak dipelajari. Pada pandangan saya, ini merupakan titik permulaan bagi tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Banyak lagi halangan, rintangan, cabaran dan dugaan yang perlu ditempuhi. Ini memerlukan ketabahan, keberanian dan pemikiran yang waras. Kejayaan akan diperolehi jika tuan-tuan dan puan-puan dapat menghadapi segala cabaran, rintangan dan dugaan itu dan merebut segala kesempatan yang ada.

Bagi mengakhiri ucapan saya pada petang ini, marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Watalla membukakan hati kita semua supaya lebih tekun, gigih, bersungguh-sungguh, jujur dan amanah dan bersifat profesionalisme dalam segala usaha yang kita lakukan untuk memesatkan lagi pembangunan dan untuk mencapai perpaduan negara demi kepentingan kita bersama.

KUALA LUMPUR,
14hb. Oktober, 1984 (dikeluarkan pada pukul 12.30 t/heri)

rs/occe

=====



No Siri U. 640
No Penerimaan 33/84